

BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini mengandungi latar belakang kajian, tujuan, bahan, kaedah dan kerangka teori, hipotesis dan konsep. Dengan demikian, diharap dapat memudahkan perbincangan bab yang berikut.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kesantunan berbahasa telah muncul sebagai suatu bidang pengkajian yang menarik dalam bidang sociolinguistik. Ini terbukti apabila muncul pelbagai kajian dalam kesantunan antara budaya. Kajian tentang kesantunan telah banyak dijalankan oleh pengkaji luar terutama pengkaji di Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah. Dengan berdasarkan senarai "bibliography in linguistic politeness" yang disiarkan menerusi *Journal of Pragmatics* 21 (DuFon et al., 1994), didapati bidang kesantunan telah bermula sejak tahun 1950-an lagi. Antara kajian terawal adalah pada tahun 1950, iaitu menerusi kajian Schuler yang mengkaji kesantunan bahasa Jerman. Walaupun pada waktu itu belum banyak kajian yang dijalankan tetapi usaha-usaha tersebut nampaknya telah bermula. Kajian tentang kesantunan ini boleh dikatakan menarik perhatian pengkaji setelah Goffman buat pertama kalinya menulis tentang "on face work" pada tahun 1955. Beliau seterusnya meneruskan penulisannya yang tertumpu terhadap perlakuan dan pembawaan diri yang dikaitkan dengan konsep muka pada tahun-tahun berikutnya (1959-1980-an).

Walaupun pada tahun 1950-an sehingga 1960-an kajian tentang kesantunan tidak begitu banyak, namun usaha ke arah tersebut mula dapat dikesan. Contohnya terdapat kajian pada tahun 1960 oleh Grapow, H. yang mengkaji strategi orang Arab ketika menyapa dan menegur. Ini diikuti dengan kajian tentang bahasa sapaan di kalangan Amerika Inggeris (Brown, Roger & Ford., 1961). Pada tahun 1962, terdapat pula kajian tentang perkaitan konsep muka dengan bahasa verbal dalam masyarakat China oleh Stover, Leon dan Eugene. Kajian yang berkaitan dengan **bahasa honorifik** masyarakat Jepun pula didapati pada tahun 1969 yang dijalankan oleh Kishitani Shoko (Dalam Dufon et al., 1994).

Perkembangan dalam bidang kesantunan ini terus melonjak pada tahun 1970-an apabila lebih banyak kajian dan penulisan dihasilkan. Antara penulis yang terkenal ialah Ervin-Tripp (1972) yang telah menulis hal tentang "**sociolinguistic rules and address**". Pada tahun 1973, terhasil pula penulisan tentang "**the logic of politeness**" oleh Lakoff yang meneruskan usahanya pada tahun-tahun berikutnya (1975-1990-an). Nama Grice juga mula disebut apabila beliau menulis tentang "**logic and conversation**" pada tahun 1975. Nama Brown dan Levinson (B & L) mula dikenali setelah menghasilkan penulisan mereka tentang "**universal in language usage politeness phenomena**" pada tahun 1978. Penulisan mereka yang mengetengahkan konsep muka positif dan muka negatif sebagai asas strategi kesantunan sangat terkenal dan menjadi perhatian kebanyakan pengkaji kesantunan.

Tahun-tahun 1970-an telah menyetengahkan nama Ervin-Tripp, Lakoff, Goffman, Grice dan B & L yang boleh dianggap sebagai pemangkin dalam bidang kesantunan. Hal ini jelas apabila pada tahun-tahun 1980-an penulisan tentang kesantunan semakin banyak disiarkan dalam jurnal bahasa dan linguistik terutama menerusi *Journal of Pragmatics*, *Multilingua*, *Language in Society*, dan *Lingua*. Selain menerusi penerbitan jurnal, penulisan tentang kesantunan juga disiarkan dalam bentuk buku. Antara yang terkenal ialah Leech yang memperkenalkan maksim kesantunannya menerusi *Prinsip Kesantunan* di dalam bukunya "*Principals of Pragmatics*" (1983)¹. Selain itu lahir sebuah buku, iaitu "*Politeness in Language*" (1992)² yang merupakan himpunan penulisan tentang kesantunan.

Bidang kesantunan terus berkembang bukan sahaja di kalangan penulis Amerika dan Eropah, malahan di kalangan penulis Asia seperti Jepun dan China. Seperti yang telah disebut di atas bahawa konsep muka orang China telah ditulis pada tahun 1944 dan 1962. Kesantunan masyarakat China terus mendapat perhatian dan ini dibuktikan dengan penghasilan beberapa hasil kajian, antaranya hasil penulisan Khaidi Zhan (1992), Mao (1994) dan Yeung (1997). Penulisan tentang kesantunan masyarakat Korea juga didapati telah muncul hasil penulisan Choi (1978) dan penulisan Cho (1983). Manakala di Jepun beberapa penulis tentang kesantunan muncul, contohnya Ide yang telah mula menulis pada tahun 1973 dan meneruskan usahanya pada tahun-tahun 1980-an. Selepas itu terdapat pula penulisan Cook pada tahun 1985 sehingga 1993 yang menghasilkan peranan partikel 'no' dalam bahasa Jepun serta penanda frasa nama Jepun. Penulis yang lain yang boleh dianggap produktif pada tahun-tahun 1980-an ialah Matsumoto.

Dalam penulisan Matsumoto turut mendedahkan perbezaan muka di kalangan masyarakat Jepun dengan masyarakat Barat.

Kajian ke atas kesantunan masyarakat Asia didapati terus berkembang dengan penulisan Cooke (1968) tentang "**pronominal reference in Thai, Burmese and Vietnamese**". Geertz (1966) pula menulis tentang kesantunan dalam masyarakat Jawa di Pulau Bali. Kummer (1992) dan Scupin (1998) telah menjalankan kajian yang sama di kalangan masyarakat Thai. Di samping itu terdapat juga beberapa pengkaji lain yang cuba melihat aspek kesantunan dalam masyarakat Asia yang lain seperti Blum Kulka (1992) yang mengkaji kesantunan di kalangan masyarakat Israel.

Beberapa hasil kajian kesantunan di kalangan masyarakat Timur perlu diberikan perhatian memandangkan kesantunan orang Timur mempunyai perbezaan dengan kesantunan masyarakat Barat. Antara pengkaji yang telah menjalankan kajian tentang kesantunan masyarakat China ialah Khaidi Zhan (1992) yang telah menggunakan kerangka strategi kesantunan B & L dalam kajiannya. Beliau telah mengumpulkan ujaran-ujaran dalam empat strategi, iaitu Kesantunan Positif, Kesantunan Negatif, Kesantunan Berekod dan Kesantunan Tanpa Rekod. Khaidi Zhan bersetuju dengan pandangan B & L bahawa kesantunan berbahasa merupakan prinsip yang universal. Namun menurutnya, terdapat perbezaan strategi mengikut masyarakat dan budaya.

Amalan tradisi yang dipegang kuat menerusi ajaran Confucious telah mempengaruhi strategi kesantunan berbahasa orang China. Menurut Khaidi Zhan,

orang China sangat mengambil berat antara satu sama lain dan kedudukan orang tua sangat dihormati. Mereka juga dikatakan mempunyai semangat kekeluargaan yang kuat dan menghargai sistem kinship. Faktor-faktor tersebut menjadi teras dalam kesantunan positif masyarakat China. Pemahaman tersebut telah membentuk sistem panggilan atau gelaran yang begitu halus di kalangan mereka. Malahan sistem panggilan dalam keluarga turut digunakan kepada jiran tetangga semata-mata untuk menunjukkan hubungan yang erat dan mesra. Selain itu, untuk menunjukkan hubungan yang rapat dan sikap mengambil berat, masyarakat China juga lebih gemar mengemukakan soalan-soalan personal sewaktu bertegur-sapa seperti, "Sudah makankah?", "Apa khabar, sihatkah?" dan sebagainya (Khaidi Zhan, 1992:9)

Fenomena kesantunan masyarakat China yang dikaji oleh Mao (1994:451) mendapati bahawa kesantunan masyarakat China adalah lebih bersifat dinamik dan sentiasa berubah-ubah demi mencari kesesuaian, oleh itu kerangka kesantunannya harus lebih fleksibel. Dengan itu, konsep muka B & L yang dikatakan berbentuk universal itu dianggap tidak tepat oleh Mao kerana masih ada perbezaan interaksi antara muka positif dengan muka negatif seperti yang dimaksudkan oleh B & L. Beliau cuba menguatkan pernyataannya itu dengan mengaitkannya dengan dapatan kajian terkini yang menunjukkan bahawa konsep muka B & L itu hanya tertakluk pada masyarakat Barat dan kurang menyingkap konsep muka yang ada di kalangan masyarakat luar budaya Barat. Menurut Mao lagi, konsep muka sebagai asas kesantunan bagi masyarakat Timur dikatakan lebih memihak kepada penjagaan muka masyarakat seluruhnya dan bukan berbentuk individualisme.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Mao, konsep muka masyarakat China disebut sebagai “**mianzi dan lian**”. **Mianzi** bermaksud reputasi dan darjat yang diperoleh oleh seseorang dalam hidupnya ataupun tanggapan masyarakat ke atas dirinya. **Lian** pula bermaksud penghormatan yang diperoleh oleh seseorang kerana perlakuannya yang baik. Bagi menunjukkan konsep **mianzi dan lian**, Moa yang mengkaji kesantunan dalam lakuan bahasa jemputan ke majlis makan malam mendapati bahawa wujud situasi mencari alasan oleh pihak yang menjemput dan pihak yang dijemput. Pihak yang dijemput akan memberi alasan sekiranya tidak dapat memenuhi jemputan. Namun, sekiranya dia sedia menerima jemputan, dia akan tetap menolaknya dengan memberi alasan tidak mahu membebankan pihak yang menjemput. Ini mendorong pihak yang menjemput meneguhkan jemputan dan meyakinkan pihak yang dijemput bahawa makan malam yang disediakan itu sama sekali tidak membebankan.

Menurut Mao (1994:477), sebenarnya penolakan ke atas jemputan tersebut didorong oleh perasaan menjaga mukanya daripada dituduh sebagai seorang yang pelahap dan boleh menyusahkan pihak yang menjemput (*lian*). Cara ini juga adalah untuk menunjukkan bahawa jemputan tersebut sungguh bernilai dan pihak yang menjemput telah bersusah payah. Jadi, keengganan menerima jemputan tersebut merupakan suatu strategi meletakkan muka pihak yang menjemput ke satu tahap yang dihormati (*mianzi*). Menurut Mao lagi, konsep muka positif dan muka negatif seperti yang dikemukakan oleh B & L tidak sesuai dengan masyarakat China yang mempunyai konsep *mianzi dan lian*.

Hakikatnya kedua-dua pihak cuba mempertahankan imej diri yang baik bagi memperoleh *mianzi* dan *lian* agar diri disukai dan dihargai oleh pihak lain. Kedua-dua pihak sebenarnya memberatkan penjagaan muka positif walaupun Mao tidak gemar menggunakan istilah muka positif. Tetapi, muka negatif tidak begitu sesuai dengan masyarakat China memandangkan konsep penjagaan muka adalah menurut penilaian masyarakat dan bukannya individu.

Ide (1989) pula menyatakan bahawa lebih banyak deskripsi tentang kesantunan pelbagai masyarakat dihasilkan, lebih banyak perkara tentang kesantunan dalam pelbagai budaya yang belum mampu kita terokai. Selain Ide, beberapa orang pengkaji seperti Lebra (1979), Matsumoto (1989) dan Watts (1989) berpendapat bahawa konsep universal dalam kesantunan seperti yang dituntut oleh B & I. perlu dikaji dan dipertimbang semula. Ini adalah kerana B & I. membina konsep kesantunan yang berasaskan penjagaan muka menurut perspektif masyarakat Inggeris yang tidak semuanya sesuai dengan masyarakat Timur. Lantaran itu, Watts (1989) mencadangkan agar konsep kesantunan antara budaya perlu dikaji lagi.

Bagi masyarakat Thai pula, status dan kedudukan seseorang itu sangat penting dan ini menentukan sistem bahasa yang berbeza dalam komunikasi. Pemboleh ubah lain yang turut berperanan menentukan sistem berbahasa mereka ialah faktor jantina, umur, kedudukan dalam keluarga, pendidikan dan kerjaya (Kummer, 1992:328). Penggunaan dan taburan perkataan dilihat mempunyai pertalian rapat dengan jarak sosial. Kepatuhan terhadap ajaran Buddha yang sangat memberatkan kehalusan budi dan kesantunan telah mempengaruhi perlakuan

masyarakat Thai³. Masyarakat ini juga dikatakan enggan berterus terang untuk menolak sesuatu kerana tidak mahu menyinggung perasaan orang lain. Oleh kerana terlalu menjaga perasaan orang lain, mereka mempunyai strategi untuk menolak sesuatu permintaan dan harapan.

Kummer dalam kajiannya itu telah menjadikan susunan sosial masyarakat Thai yang berbentuk piramid sebagai kerangka kajiannya berdasarkan sistem hirarki masyarakatnya. Dalam masyarakat Thai, ciri bahasa orang bawahan berbeza dengan ciri bahasa orang atasan, malahan orang Thai mempunyai ciri bahasa yang berbeza antara perempuan dengan lelaki. Masyarakat Thai mengamalkan sistem bahasa yang membeza-bezakan darjat, keturunan, kedudukan dalam agama, status kerjaya, pendidikan dan pekerjaan. Scupin (1988) telah menjelaskan hal tersebut dengan panjang lebar dalam penulisannya mengenai kesantunan di kalangan masyarakat Thai Islam. Menurut Scupin (1988:332), sistem hierarki dalam masyarakat Thai dikenali sebagai *sakdinaa* yang berstrata seperti sistem kasta masyarakat Hindu. Sistem strata itu disebut *chan* yang dibahagikan kepada dua, iaitu *khon chan naaj* bagi golongan atasan dan *khon chan phral* bagi golongan bawahan. Sistem tersebut bukan sahaja mewujudkan sistem panggilan yang berbeza-beza malahan turut terpamer dalam perlakuan etiket.

Kajian tersebut turut memaparkan perlakuan masyarakat Thai Islam yang menjadi masyarakat minoriti di sekitar Bangkok. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Thai Islam mengamalkan strategi kesantunan berasaskan *sakdinaa* ketika berhubung dengan masyarakat Thai Buddha yang merupakan

majoriti penduduk Thai. Namun begitu, sewaktu berhubung sesama mereka, masyarakat Thai Islam mengamalkan strategi Islam. Penggunaan strategi Islam tersebut memaparkan persamaan manusia dan menolak sistem kasta dan ini yang mempengaruhi penggunaan bahasa masyarakatnya. Kajian tersebut membuktikan bahawa ajaran Islam yang berlandaskan Al-Quran mempengaruhi perlakuan Masyarakat Thai Islam dan perlakuan tersebut mempunyai persamaan dengan masyarakat Islam di tempat-tempat lain. Contohnya, mereka akan mengucapkan "asalamualaikum" dan bersalam-salaman ketika bersua.

Kajian Scupin itu menunjukkan bahawa Islam mewujudkan perlakuan yang serupa di kalangan umat Islam.⁴ Ini adalah disebabkan umat Islam berpegang pada al-Quran dan sekali gus membuktikan bahawa strategi Islam mampu digunakan untuk menganalisis kesantunan.

Selain masyarakat Thai, masyarakat Jepun juga dikatakan mempunyai sistem bahasa yang santun dan halus ketika bercakap. Masyarakat Jepun menggunakan bahasa yang honorifik dan sentiasa meletakkan diri mereka rendah daripada pihak yang dilawan bercakap. Penggunaan bahasa honorifik itu dianggap unik oleh Toyama (1978) yang menganggap bahawa sistem bahasa honorifik masyarakat Jepun terlalu halus dan ciri tersebut tidak terdapat dalam masyarakat lain. Pandangan Toyama itu dianggap sempit kerana tidak sesiapa berhak meletakkan kehalusan bahasanya sendiri di tahap tertinggi semata-mata kerana pengkaji mengkaji bahasanya sendiri. Pandangan tersebut pernah menerima kecaman dan kritikan daripada pihak lain seperti Miller (1982) serta Neustupny

(1974). Menurut Neustupny (1974), bahasa honorifik terdapat juga di kalangan masyarakat lain.

Orang Jepun memiliki ciri bahasa yang unik kerana mereka sering menggunakan bahasa yang sesuai dengan pendengar. Contohnya, Matsumoto (1988:415) telah mengemukakan contoh sapaan yang berbeza dalam ujaran yang sama. Sistem sapaan yang berbeza digunakan menurut kedudukan orang yang disapa atau yang dilawan cakap. Ini membuktikan bahawa susun lapis masyarakat Jepun yang berbentuk menegak menentukan bentuk ujaran.

Masyarakat Thailand, Jepun dan China dikatakan meletakkan ajaran Buddha sebagai satu pengaruh kuat dalam pembinaan kesantunan bahasa di kalangan masyarakat tersebut. Bagi orang Arab pula, mereka didapati begitu berpaut kuat kepada ajaran Islam sehingga Islam dapat digambarkan dalam bahasa pertuturan seharian. Mohammad Farghal dan Ahmed Borini (1997) telah menjalankan satu kajian untuk melihat sejauh mana penterjemah mampu menterjemahkan sebuah novel bahasa Arab ke bahasa Inggeris dengan menggunakan pendekatan pragmareligious. Kedua-dua pengkaji ini mendapati bahawa penterjemahan sebuah novel yang bertajuk *Awlad Haritna* telah gagal apabila penterjemahan tersebut tidak mampu mengemukakan makna ungkapan dengan jelas dan tepat menurut pemahaman agama Islam. Ini adalah kerana, konsep Allah sebagai Maha Besar dan Maha Berkuasa dalam sesuatu ujaran itu tidak mampu ditafsirkan oleh orang bukan Islam.

Kegagalan tersebut dikatakan berpunca daripada ketidakupayaan penterjemah mengekod kuasa ilokusi sesuatu ujaran. Menurut Mohammad Farghal dan Ahmed Borini, Islam menjadi suatu kuasa yang paling asas dalam menentukan semua aspek budaya Arab yang diamalkan dalam setiap tindakan dan perlakuan seharian. Konsep "fatalisme"⁵ iaitu penyerahan kepada takdir adalah petanda tulen kesantunan berbahasa di kalangan orang Arab. Orang Arab menggunakan konsep ini secara maksimum dalam percakapan mereka dan ini berbeza dengan masyarakat Barat yang jarang sekali menggunakan konsep ini. Doa adalah antara amalan di kalangan masyarakat Islam untuk memohon pertolongan dan perlindungan daripada Allah. Ungkapan doa itu akhirnya disebatikan dalam ujaran berbentuk penghargaan, ucapan takziah dan tahniah yang digunakan dalam kehidupan seharian. Ungkapan-ungkapan tersebut menjadi steroaip dan idiomatik dalam bahasa Arab.

Kajian ini, walaupun cuba memaparkan kesantunan berbahasa orang Arab, tetapi mempunyai banyak persamaan dengan strategi kesantunan masyarakat Islam yang lain, contohnya seperti dalam masyarakat Thai Islam (Merujuk Scupin, 1988). Kajian ke atas kesantunan menurut pragmareligious kurang sekali dijalankan. Kebanyakan kajian kesantunan didapati menggunakan pendekatan pragmalinguistik dan sosiopragmatik (Leech, 1983) yang kurang mampu mentafsirkan makna dengan mendalam menurut agama.

Strategi kesantunan masyarakat Timur mempunyai perbezaan dengan kesantunan masyarakat Barat yang mengutamakan individualisme dan hak bersendirian. Sehubungan itu, bentuk hubungan mereka dengan pihak lain adalah

mendatar berbanding dengan masyarakat Timur yang berbentuk menegak. Masyarakat Barat selalu menganggap bahawa mereka mempunyai persamaan hak dan mahu bebas menyatakan pendapat dan emosi mereka (Kitao Kenji & Kathleen, 1985). Namun begitu, masyarakat Inggeris begitu berhati-hati dalam membuat permintaan. Oleh itu, orang Inggeris akan menggunakan ketersiratan apabila mengemukakan permintaan (Leech, 1983:84).

Kajian yang dijalankan sama ada di Barat atau di Timur begitu jelas memaparkan fenomena kesantunan yang pelbagai dan hal itu semua menyerlahkan penggunaan bahasa dalam sesuatu komunikasi. Pengkaji Timur kebanyakannya berpendapat bahawa fenomena kesantunan masyarakat Timur mempunyai perbezaan dengan fenomena kesantunan masyarakat Barat dan ini semua berlaku kerana wujudnya perbezaan terhadap konsep muka. Konsep muka antara masyarakat adalah berbeza menurut acuan budaya sesebuah masyarakat. Kajian terhadap kesantunan sama sekali tidak boleh mengabaikan nilai sosial dan budaya masyarakat yang hendak dikaji itu. Oleh itu, kajian terhadap kesantunan di kalangan orang Melayu perlu dilakukan bagi melihat pengaruh sosiobudaya orang Melayu terhadap fenomena kesantunan.

Di Malaysia, tidak ada banyak kajian tentang kesantunan berbahasa dalam masyarakat Melayu dihasilkan, sedangkan orang Melayu sangat berpegang kuat pada adab dan kesantunan. Setakat ini, kajian tentang kesantunan berbahasa orang Melayu hanya dapat ditemui menerusi beberapa kajian sarjana seperti kajian yang dijalankan oleh Khadijah Ibrahim (1993) tentang strategi kesantunan dalam keluarga Melayu ketika membuat permintaan. Kajian sarjana Abdullah Yasin

(1998) pula hanya tertumpu terhadap kesopanan berbahasa berasaskan maksim Leech di dalam buku Lembaga Budi karya Hamka. Suraiya Mohd Ali (1998) pula telah mengkaji kesantunan berbahasa Jepun di kalangan penutur Melayu tatkala bercakap dengan orang Jepun. Kajiannya itu bukan untuk menonjolkan kesantunan dalam bahasa Melayu sebaliknya memaparkan strategi kesantunan bahasa Jepun di kalangan orang Melayu yang berada di Jepun. Manakala Mohd Azmi Sidik (1998) menulis tentang **“kesantunan berbahasa di dalam pantun”**. Kajian kesantunan orang Melayu yang terkini ialah hasil buah tangan Mohd Idris (2000) yang menulis tentang **“kesantunan berbahasa dalam perbualan keluarga Melayu”**.

Nor Hashimah Haji Jalaluddin (1994) dan Jamaliah Ali (1997) masing-masing ada menyentuh sedikit tentang kesantunan berbahasa dalam tesis kedoktoran mereka. Walau bagaimanapun, kajian kesantunan dalam tesis kedoktoran mereka itu tidaklah begitu terperinci dan menyeluruh memandangkan tumpuan kajian mereka adalah khusus dalam bidang pragmatik dan semantik.

Seperti yang dikatakan sebelum ini bahawa kajian tentang kesantunan masyarakat Melayu secara terperinci belum lagi meluas. Namun begitu, perbincangan tentangnya telah pun ada dan usaha-usaha ke arah tersebut sudah pun bermula. Antara mereka yang pernah membincangkan kesantunan Melayu ialah Za'ba (1969) yang menyatakan bahawa bahasa Melayu merupakan ungkapan bahasa yang istimewa dan mampu disesuaikan dengan suasana dan keadaan masyarakat. Antara ciri utama yang menandakan kesantunan dalam bahasa Melayu adalah meletakkan taraf seseorang pada kedudukan yang sesuai dengan darjat, kuasa, umur dan sebagainya. Dalam hal ini, kesantunan Melayu tidak banyak

bezanya dengan kesantunan masyarakat China, Jepun dan Thai. Bahasa yang santun disebut juga sebagai bahasa halus (Michael West, 1969:295, Nik Safiah Karim, 1981). Penggunaan bahasanya sangat mementingkan taraf antara penutur dengan pihak lain (Asmah Omar, 2000:93) kerana orang Melayu mengamalkan kehidupan yang berharmoni dengan menjaga tutur kata seharian.

Za'ba juga pernah menulis tentang nilai dalam perlakuan dan etiket Melayu yang disiarkan di dalam *Journal Malayan Branch* (1950). Dalam penulisannya itu, Za'ba telah menyenaraikan beberapa perkara yang menjadi peraturan ketat dalam masyarakat Melayu bagi mengawal perlakuan dan etiket. Salah satu perlakuan yang disebutkan ialah perlakuan dalam percakapan. Menurutnya, pengawalan suara adalah sangat penting, kita sama sekali tidak boleh menjerit dan meninggikan suara seolah-olah sedang marah atau sedang bercakap dengan orang pekak. Kita juga diingatkan agar tidak membolot sidang perbualan dan bercakap terlalu banyak apa lagi tentang diri sendiri. Memuji diri sendiri adalah perlakuan yang tidak dapat diterima oleh orang yang mendengarnya.

Khadijah Ibrahim (1993) menerusi Tesis M.A. telah mengkaji kesantunan keluarga Melayu dalam membuat permintaan. Kajian tersebut telah menggunakan kerangka teori B & L dan mendapati bahawa masyarakat Melayu mengutamakan konsep air muka dalam menjaga keharmonian hubungan. Seperti masyarakat China, orang Melayu didapati mengutamakan Strategi Kesantunan Positif dalam percakapan mereka. Orang Melayu juga dikatakan suka berkongsi perasaan dengan orang lain dan kerana itu cukup mengambil berat akan kebajikan orang lain ketika bercakap. Sehubungan itu, konsep "**luar anak beranak**" dan konsep "**dalam anak**

beranak” mempunyai sempadannya yang tersendiri dan mempengaruhi strategi kesantunan. Kajian tersebut juga turut mendapati bahawa Strategi Tanpa Rekod dengan menggunakan ketersiratan kerap digunakan sewaktu membuat permintaan.

Sehubungan itu, perlu juga suatu kajian dibuat bagi memastikan sejauh mana konsep kesantunan B & L sesuai dengan masyarakat Melayu. Ini demikian kerana kajian tentang kesantunan keluarga Melayu setakat ini hanya disingkap oleh Khadijah Ibrahim yang nampaknya bersetuju dengan kerangka teoritis B & L. Dalam kajiannya itu, Khadijah hanya memetik ujaran dalam perlakuan bahasa berbentuk permintaan di kalangan anggota keluarga. Sungguhpun kajian tersebut menggunakan kerangka B & L, tetapi dapatan tersebut kurang mengaitkan

bagaimana ujaran-ujaran dalam keluarga itu ada perkaitan dengan konsep menjaga muka seperti yang dibentangkan oleh B & L. Ini adalah kerana, di kalangan anggota keluarga wujud hubungan yang intim, maka sesuatu permintaan itu tidak boleh dianggap sebagai ancaman muka, sebaliknya boleh menjadi suatu nasihat ibu kepada anak agar menunaikan tugas dan tanggungjawabnya. Walaupun tidak dinafikan bahawa masih ada strategi berkomunikasi yang santun dalam keluarga, tetapi strategi tersebut tidak semestinya untuk mengurangkan TAM demi menjaga muka negatif pendengar yang tidak mahu diganggu. Sesuatu yang harus diberikan perhatian dalam kehidupan berkeluarga orang Melayu ialah, tegur-menegur adalah sesuatu yang sangat penting. Ibu perlu menegur dan menasihatkan anak tentang tanggungjawabnya, demikian juga anggota keluarga yang lain. Maka ujaran berbentuk permintaan itu juga berupa ujaran untuk menasihatkan sesuatu perkara yang harus dilakukan.

Seperkara lagi yang disebut oleh Khadijah ialah wujud bahasa “anak-beranak” dan “lain daripada anak-beranak” yang mempunyai sempadannya yang tersendiri. Memandangkan kajian Khadijah menyingkap bahasa “anak-beranak”, maka baik jugalah sekiranya ada pula kajian bahasa “luar daripada anak beranak” dijalankan. Dengan itu, perbincangan tentang strategi kesantunan dalam masyarakat Melayu dapat diperluas lagi.

Satu persoalan yang perlu diberikan perhatian apabila kita membincangkan kesantunan orang Melayu adalah sama ada strategi kesantunan itu digunakan semata-mata untuk mengurangkan TAM atau strategi kesantunan itu mempunyai matlamat yang lain. Contohnya, dalam kajian Khadijah (1993:138), dipaparkan ujaran berbentuk permintaan yang dikelompokkan sebagai Strategi Tanpa Rekod. Mengikut B & L, Strategi Tanpa Rekod berupa strategi kesantunan yang beraras tinggi kerana berjaya mengurangkan TAM kepada pendengar. Antara ujaran tanpa rekod menerusi kajian Khadijah adalah seperti yang berikut (1993:138):

Penutur: "Chu, kita orang ni ada hal sikitlah Hari Raya Cina ni. Kita ada buat kerja sikit lepas maghrib. Si Mar nak terima cincin tunanglah. Belah lelaki datang pukul 9.00, katanya. Jadi, kalau dapat, kita kumpul sebelum maghrib, baca dou sikit sebelum selesai cerita."

Khadijah beranggapan bahawa ujaran tersebut ialah ujaran berbentuk permintaan dan juga jemputan yang diujarkan oleh seorang anak saudara kepada bapa saudaranya. Menurutnya, penutur tidak menyebut langsung hajatnya yang mahu pendengar datang ke majlis tersebut kerana suatu ujaran berbentuk permintaan boleh mengancam muka pendengar, jadi strategi ini dianggap berada pada aras

kesantunan yang tinggi. Tetapi, harus diingatkan bahawa ujaran tersebut juga boleh berbentuk pemberitahuan untuk memaklumkan majlis pertunangan yang hendak disampaikan oleh penutur kepada bapa saudaranya (waris terdekat selain ibu bapa). Penutur tidak menyebut langsung hal tentang hasratnya untuk menjemput bapa saudaranya kerana keadaan itu telah sedia dimaklumi, dan bapa saudara itu juga bertanggungjawab untuk turut sama dalam majlis tersebut. Tanggapan bahawa ujaran tersebut sebagai Strategi Tanpa Rekod yang bertujuan untuk mengurangkan TAM kepada pendengar masih boleh dipertikaikan. Kalau ditelitikan semula, ujaran tersebut sebenarnya tidak boleh dianggap mengancam muka kerana perlakuan yang santun di sini ialah memaklumkan apa juga peristiwa dalam keluarga kepada anggota keluarga terutama mereka yang lebih tua. Sekiranya penutur tidak memaklumkan hal tersebut, maka suasana begitulah yang dikatakan tidak santun kerana mengabaikan kedudukan dan kepentingan keluarga. Adalah lebih wajar sekiranya dikatakan bahawa ujaran tersebut berupa pemberitahuan demi menjaga muka positif bapa saudara itu.

Dalam sistem kekeluargaan orang Melayu, tindakan memberitahu dan sekali gus menjemput waris terdekat dalam urusan nikah kahwin anak-anak merupakan suatu perlakuan yang santun kerana menepati peraturan hidup berkeluarga. Dalam hal ini, perlu ditelitikan lagi tentang konsep muka negatif yang dikemukakan oleh B & L sama ada sesuai atau tidak untuk digunakan dalam masyarakat Melayu.

Selain kesantunan verbal, orang Melayu juga sangat teliti tentang perlakuan etiket yang dikategorikan sebagai perlakuan yang santun yang meliputi tindakan yang menepati tuntutan adat. Kajian terhadap kesantunan verbal sahaja belum mampu

memaparkan konsep kesantunan dalam masyarakat Melayu kerana terdapat banyak perlakuan etiket yang turut dikategorikan sebagai santun, contohnya seperti apa yang pernah dibincangkan oleh Za'ba dalam penulisananya tentang "**Malay Manners And Etiquette**" (1950). Perlakuan etiket ini juga sangat diberatkan oleh masyarakat Thai, China dan Jepun. Sehubungan itu, kajian tentang kesantunan orang Melayu perlu juga dikaitkan dengan tingkah laku dan perlakuan etiket.

Nor Hashimah Haji Jalaluddin (1994) dalam tesis kedoktorannya yang mengkaji "**Bahasa Jual Beli Dalam Perniagaan Runcit**" telah menumpukan skop kajiannya terhadap penggunaan implikatur dan ganti nama diri yang dianalisis mengikut kerangka semantik dan pragmatik. Menurut Nor Hashimah (1994:161), implikatur bukan sahaja berfungsi sebagai kemahiran berbahasa orang Melayu malahan turut bertindak sebagai strategi kesantunan dalam perbualan. Strategi ini digunakan untuk menyampaikan mesej dengan kaedah yang teratur dan menyakinkan, contohnya kaedah ini menggunakan "**beating about the bush**" dan bayangan (Asmah, 1992). Kaedah ini dikatakan sebagai suatu kaedah yang telah digunakan oleh penutur dan pendengar bagi memastikan matlamat mereka tercapai. Dapatan kajian Nor Hashimah ini turut menunjukkan bahawa suasana jual beli berjalan lancar dan berada dalam suasana harmoni, malahan pembeli mahupun penjual berupaya berinteraksi dengan menggunakan implikatur. Implikatur menjadikan proses tawar menawar lebih harmoni, santun dan berjaya mengurangkan ketegangan (1994:171). Dapatan ini mempunyai kaitan rapat dengan pandangan Asmah (1986) bahawa orang Melayu mempunyai strategi berbahasa secara tidak langsung dalam menyampaikan hasrat.

Nor Hashimah sama sekali tidak bermaksud untuk mengkaji strategi kesantunan sebaliknya sekadar menyingkap makna implikatur yang digunakan dari segi sintaksis dan pragmatik. Namun begitu, kajian tersebut membuktikan bahawa orang Melayu mempunyai strategi kesantunannya yang unik dan hal tersebut perlu dikaji secara mendalam. Hal yang sama turut berlaku dalam kajian Jamaliah Ali.

Jamaliah Ali (1997) dalam tesis kedoktorannya turut menyingkap bagaimana konsep air muka mempengaruhi ciri bahasa verbal di kalangan masyarakat Malaysia. Jamaliah menjadikan perbincangan dalam seminar di kalangan pelajar universiti sebagai bahan kajian untuk melihat ciri bahasa verbal dengan menggunakan kerangka pragmatik. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar Malaysia cukup berhati-hati ketika membincangkan tajuk-tajuk yang berunsur seks berbanding tajuk-tajuk lain. Ini menunjukkan bahawa orang Malaysia cukup berhati-hati dalam menyatakan sesuatu, bukan setakat takut menyinggung perasaan orang lain malahan takut dianggap serong. Menurut Jamaliah, jaga air muka yang disebut juga dalam bahasa China sebagai *lok men tze* dan dalam bahasa Tamil *moonjai kodu* mempunyai banyak signifikannya dengan masyarakat Malaysia walaupun terdiri daripada pelbagai kaum. Muka bagi masyarakat Malaysia sesuatu yang perlu dipertahankan demi mengekalkan keharmonian dan perhubungan yang mesra. Menurutnya, perkara ini memainkan peranan dalam menentukan ciri bahasa verbal masyarakat Malaysia.

Kajian Jamaliah Ali (1997) mendapati bahawa konsep malu dalam menjaga air muka mempengaruhi ciri bahasa verbal di kalangan pelajar pelbagai kaum. Kajian tersebut tidak bermaksud menjelaskan konsep penjagaan air muka orang

Melayu secara khusus memandangkan sampel kajiannya terdiri daripada pelbagai kaum. Sehubungan itu, kajian terhadap kesantunan orang Melayu adalah perlu. Ini membolehkan kita meneliti antara persamaan dan perbezaan strategi kesantunan orang Melayu dengan masyarakat Malaysia yang lain seperti China dan India.

Abdullah Yasin (1998) menerusi tesis M.A.nya telah mengaplikasikan Prinsip Kesantunan Leech sebagai kerangka teoritisnya. Buku Lembaga Budi penulisan Hamka telah digunakan untuk mengaplikasikan Maksim Leech itu. Pengkaji telah meneliti setiap ilokusi dan memadankannya dengan Maksim Leech. Berdasarkan tinjauan, didapati Abdullah hanya memetik data tentang sesuatu perkara yang diketengahkan dan disesuaikan dengan salah satu Maksim Leech. Penulis merumuskan bahawa ilokusi pilihannya adalah santun kerana Hamka menggunakan strategi ketakterusan (*ketersiratan*). Namun begitu, Lembaga Budi ialah sebuah karya keagamaan yang dihasilkan oleh Hamka, seorang ulama Islam yang termasyhur. Maksim-maksim Leech sebenarnya tidak mampu menganalisis kesantunan dalam buku tersebut memandangkan Leech hanya memberi pemberatan dalam hubungan manusia sesama manusia. Hal ini berbeza dalam penulisan Hamka yang menyeru manusia ke jalan agama demi menjaga hubungan manusia dengan Tuhan. Terdapat perbezaan fokus muka antara Leech dengan Hamka. Hamka memfokuskan penulisannya kepada manusia agar sentiasa menjaga hubungan manusia dengan Tuhan. Manakala Leech pula memberi tumpuan terhadap hubungan sesama manusia. Sehubungan itu, karya Hamka tidak mampu dianalisis dengan Maksim Leech. Bagi menghasilkan satu kajian yang lebih berkesan dan tepat, makna sesuatu ujaran yang ditafsirkan menerusi fungsi ilokusinya memerlukan kerangka teoritis dengan input Islam.

Asmah Haji Omar (2000) juga pernah menulis tentang hal kesantunan dalam perbincangan dan perbahasan. Dalam majlis seperti itu, lakuan bahasa lebih menonjol daripada lakuan bukan bahasa. Menurutnya, strategi ialah kaedah yang digunakan oleh penutur untuk mencapai tujuan tertentu. Jadi, sekiranya strategi itu dikaitkan dengan kesantunan, maka strategi itu perlu ditandai dengan tingkah laku dan tutur kata yang santun. Strategi kesantunan melibatkan beberapa faktor seperti kesedaran akan peranan masing-masing, kesedaran tentang perbezaan taraf sosial, kuasa dan kepatuhan mengawal perbincangan berdasarkan tajuk serta menjaga air muka. Air muka meliputi 'muka' dan budaya yang berakar umbi berasaskan maruah dan martabat, ini berbeza dengan pandangan B & L yang menganggap muka berasaskan keinginan untuk mencapai sesuatu tujuan.

Asmah telah membahagikan kesantunan kepada dua jenis iaitu, kesantunan asas dan kesantunan berkendala. Kesantunan asas ialah kesantunan sedia ada yang merupakan pedoman bagi masyarakat berhubung antara satu sama lain dengan cara menunjukkan adanya sikap berbaik-baik. Kesantunan berkendala pula ialah kesantunan yang menggambarkan usaha yang dilakukan oleh ahli masyarakat dalam berhubung antara satu sama lain dengan memberi perhatian kepada kendala-kendala yang pernah dikemukakan oleh Hymes (1974). Antara kendala tersebut ialah taraf dan peranan orang yang bercakap, di mana dan dalam keadaan yang bagaimana, apa yang dipercakapkan, mengapa percakapan itu berlaku dan cara percakapan disampaikan. Dalam penulisannya itu, Asmah cuba menonjolkan perbezaan pandangannya dengan pandangan B & L tentang kesantunan. Bagi Asmah, kesantunan bukan strategi semata-mata, sebaliknya, yang lebih asas ialah

kesantunan itu merupakan ciri budaya yang menghendaki ahli masyarakatnya bersopan-santun dengan menghormati antara satu sama lain. Pembinaan tingkah laku yang santun di kalangan orang Melayu adalah menerusi proses didikan yang panjang dan berterusan dan hal tersebut menjadi ciri budaya dalam masyarakat Melayu. Namun begitu, kerangka Asmah itu boleh diperluas lagi dengan menyetengahkan input Islam kerana hakikatnya Islam ialah tunjang pembinaan budaya orang Melayu.

Sanat Md Nasir (1998, 2001, 2002) telah menyetengahkan keupayaan input Islam dalam pengkajian bahasa yang meliputi bidang kesantunan. Menurut Sanat (2001), kesantunan yang paling luas perlu merujuk kepada **amar makruf nahi mungkar**, bukan sekadar strategi menjaga muka dan input budaya semata-mata.

Kebanyakan kajian kesantunan tertumpu terhadap sesuatu lakuan bahasa dan mengabaikan peristiwa bahasa (Seperti kajian Khadijah Ibrahim, 1993). Ini menyebabkan analisis kesantunan kurang dilihat dari segi konteks. Keadaan ini akan melahirkan dapatan yang samar terhadap makna ujaran dan menjejaskan fungsi sebenar sesuatu ujaran. Kajian terhadap kesantunan akan menjadi lebih tepat sekiranya pengkaji memilih satu peristiwa bahasa dan kemudian melihat lakuan bahasa yang ada dalam peristiwa tersebut. Dengan cara ini, maksud dan kuasa sesuatu ilokusi akan menjadi lebih jelas dan barulah analisis dapat dibuat berdasarkan konteks. Hal ini pernah ditekankan oleh Saville-Troke (1991:24) bahawa menerusi konteks barulah pentafsiran erti perlakuan bahasa dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna

Beberapa dapatan kajian tentang kesantunan di kalangan masyarakat Islam menunjukkan bahawa fenomena kesantunan orang Islam mempunyai persamaan walaupun berbeza bangsa, negara, bahasa dan budaya. Namun begitu, kajian-kajian yang ada tidak dianalisis dengan menggunakan kerangka Islam bagi menampakkan strategi kesantunan orang Islam yang berlandaskan ajaran al-Quran dan hadith. Pengkaji-pengkaji (Scupin, Mohammad Farghal & Ahmed Borini) hanya memaparkan ungkapan yang biasa terdapat di kalangan orang Islam seperti memberi ucapan salam dan bersalam-salaman, serta senarai ungkapan seperti "alhamdulillah", dan "insya-Allah".

Mohammad Farghal dan Ahmed Borini mengumpulkan sepuluh ungkapan kesantunan Arab yang menggambarkan perasaan, emosi, sikap dan tradisi moral. Ungkapan-ungkapan itu dibahagi-bahagikan kepada lima bentuk lakuan bahasa, iaitu tahniah, menyambut tetamu, memuji Allah, peringatan dan merendahkan diri. Namun begitu, kita perlu memastikan apakah sebenarnya strategi yang ditetapkan oleh Islam dalam mempengaruhi lakuan bahasa tersebut. Bagi memantapkan lagi kajian terhadap kesantunan orang Islam, penggubalan strategi dengan berdasarkan input Islam diharapkan mampu memantapkan lagi analisis kesantunan dalam masyarakat Islam. Analisis kesantunan yang menggunakan strategi Islam akan mempamerkan sejauh mana Islam mempengaruhi perlakuan berbahasa di kalangan penganutnya termasuk orang Melayu.

Mohammad Farghal dan Ahmed Borini (1997:84) memetik pendapat Barouki bahawa Islam menjadi faktor penyelamat kepada bahasa Arab daripada

kemerosotan. Faktor tersebut menyebabkan bahasa dan budaya Arab kukuh di semua negara Arab. Memetik pandangan Barouki yang berbunyi:

"Not only in public but also in his privacy the Arab unceasingly invokes the name of God to reign over his actions. God, in Islam, is everything; He is not a dogma but an ideal and regulative force of life. He is in matter and everyday life as much as He is in the spirit."

Hakikatnya, Islam mempengaruhi seluruh kehidupan umatnya tanpa mengira perbezaan kaum, bahasa dan negara kerana berpegang pada konsep Allah Maha Berkuasa. Maka, wajar sekali kerangka teoritis Islam dimantapkan bagi menganalisis kesantunan orang Islam. Ini akan turut memaparkan sejauh mana sesuatu bahasa itu digunakan dan dimanfaatkan kerana pengaruh Islam.

Kajian yang telah dijalankan, sama ada di luar atau di dalam negara, tidak berdasarkan sesuatu peristiwa bahasa yang akan menampakkan pertalian erat antara konsep muka dengan tujuan peristiwa bahasa dan juga lakuan bahasanya. Tiada satu pun kajian kesantunan yang memaparkan penjagaan muka manusia sesama manusia dengan niat kerana Allah Taala, walaupun perintah Allah menjadi asas dalam menentukan baik buruk perlakuan manusia.

Selain itu, tiada kajian dijalankan tentang suatu peristiwa bahasa seperti majlis pertunangan yang akan memaparkan beberapa lakuan bahasa yang turut memaparkan tujuannya dengan konsep penjagaan muka. Kajian terhadap majlis pertunangan diharap akan mencungkil lebih banyak perkara tentang fenomena kesantunan. Kajian terhadap majlis pertunangan juga turut memaparkan

kepentingan majlis tersebut dalam masyarakat Melayu dan perkaitannya dengan nilai kehidupan orang Melayu. Kajian tentang majlis pertunangan yang ada hubung kaitnya dengan kesantunan orang Melayu belum pernah dijalankan sebelum ini. Fokus kajian ini akan memaparkan juga sejauh mana perlakuan yang santun turut membabitkan perlakuan tanpa bahasa.

Dengan berdasarkan perbincangan di atas, kajian terhadap kesantunan orang Melayu yang berpegang pada Islam perlu diperkembang bagi mencungkil pelbagai perkara yang mempengaruhi kesantunan dalam kehidupan orang Melayu. Kajian yang dijalankan akan memaparkan strategi dan ciri-ciri kesantunan orang Melayu. Kajian ini juga akan menjelaskan lagi sejauh mana Islam mempengaruhi perlakuan orang Melayu sama ada dalam perlakuan berbahasa atau bukan bahasa dalam majlis pertunangan.

Kajian terhadap bidang kesantunan akan memantapkan lagi bidang ini sebagai cabang dalam pengajian bahasa. Di Malaysia, tidak banyak institusi pengajian tinggi yang menjadikan kesantunan berbahasa sebagai satu kursus. Akademi Pengajian Melayu dan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya didapati telah memperkenalkan kursus kesantunan berbahasa kepada pelajar ijazah pertama. Di maktab-maktab perguruan, kesantunan berbahasa hanya menjadi satu tajuk dalam kursus Bahasa Melayu Komunikasi. Dalam tajuk tersebut, pelajar didedahkan dengan kesantunan berbahasa yang mencakupi Kata Ganti Nama Diri, Sistem Sapaan, Panggilan Kehormat dan unsur paralinguistik. Tajuk kesantunan berbahasa turut diajar dalam kursus Bahasa Melayu Komunikasi di UiTM yang diajar dalam tempoh satu jam daripada keseluruhan kursus yang mengandungi 12

tajuk. Kesantunan berbahasa yang disisip sahaja dalam kursus Bahasa Melayu Komunikasi itu didapati tidak mencukupi memandangkan topik tersebut tidak menyentuh langsung tentang konsep muka yang menjadi asas dalam kesantunan berbahasa di kalangan manusia.

Jelaslah, bahawa bidang kesantunan seperti yang ditunjukkan telah mengalami beberapa perubahan teoretis yang nanti akan dikaitkan dengan model yang dibincangkan dalam Bab 3. Sehubungan itu, kajian terhadapnya menjadi sumbangan yang penting.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini mempunyai empat tujuan. Antara tujuannya adalah untuk menganalisis struktur majlis pertunangan yang menepati adat istiadat pertunangan orang Melayu. Kajian ini juga turut menyingkap kesantunan verbal dan kesantunan bukan verbal di kalangan masyarakat Melayu sewaktu mengendalikan rundingan pertunangan. Analisis kesantunan juga turut dilakukan dengan melihat jenis, makna dan peranan barang-barang artifak yang digunakan dalam majlis pertunangan. Kajian juga turut menyingkap strategi kesantunan berbahasa yang digunakan dalam rundingan pertunangan serta menguji keupayaan model kesantunan yang berasaskan input Islam.

1.3 Bidang Kajian

Kajian ini akan bertumpu pada bidang kesantunan orang Melayu dalam suatu peristiwa bahasa, iaitu majlis pertunangan. Kesantunan tersebut dilihat daripada dua bentuk, iaitu perlakuan berbahasa dan perlakuan bukan bahasa. Dalam perlakuan berbahasa, tumpuan dibuat terhadap teks dan konteks pertunangan yang dianalisis berdasarkan lakuan bahasanya bagi mengesan beberapa fenomena kesantunan orang Melayu yang terdapat dalam peristiwa bahasa tersebut. Antara perkara yang mencakupi bidang kajian ini ialah perlakuan verbal dan bukan verbal serta strategi kesantunan berbahasa. Kajian juga turut tertumpu terhadap perlakuan bukan bahasa yang mencakupi struktur majlis serta artifak yang digunakan dalam majlis pertunangan.

1.4 Bahan Kajian

Bahan kajian terdiri daripada sembilan belas buah rakaman majlis pertunangan yang dirakamkan dengan rakaman *audio* dan *visual*. Rakaman majlis pertunangan itu dibuat setelah pengkaji menerima maklumat tentang majlis tersebut, tanpa mengira lokasinya. Rakaman dijalankan sejak pertengahan September 2000 hingga Febuari 2002. Sewaktu rakaman dibuat, kebanyakan pihak tidak menyedari bahawa rakaman tersebut mempunyai motif penyelidikan. Ini bertujuan untuk mengekalkan keaslian dan mempertahankan nilai-nilai ketekalan bagi menghasilkan dapatan kajian yang utuh dan tulen. Namun begitu, pengkaji telah meminta izin daripada tuan rumah untuk menjalankan rakaman tersebut. Setelah rakaman video selesai, baharulah penyelidik memaklumkan kepada mereka

yang terlibat dalam majlis tersebut bahawa rakaman tersebut adalah untuk tujuan penyelidikan. Ini dilakukan oleh penyelidik dengan tujuan untuk mengekalkan etika penyelidikan sebaik mungkin dan juga untuk mendapat restu ikhlas daripada mereka kerana percakapan mereka dirakamkan untuk dijadikan sumber penyelidikan. Rakaman percakapan di sepanjang rundingan disalin sebagai teks rundingan bagi tujuan analisis verbal dan strategi kesantunan berbahasa.

Selain rakaman dalam majlis pertunangan, pengkaji juga turut menjalankan sesi temu bual dengan wakil keluarga yang menjadi jurucakap dalam sesi rundingan. Antara maklumat wakil yang dikumpulkan ialah:

- i) latar belakang pendidikan
- ii) kerjaya
- iii) pengalaman menjadi wakil dalam majlis pertunangan
- iv) umur
- v) hubungan dengan keluarga yang diwakili
- vi) gelaran (Haji, Datuk dll)

Temu bual juga diadakan dengan beberapa anggota keluarga untuk mengetahui makna, maksud serta fungsi beberapa barang hantaran seperti tepak sirih, manisan, garam, gula, asam jawa dan beras.

Pengkaji juga menjalankan pemerhatian yang teliti dalam proses pengumpulan data untuk mendapat maklumat tentang jumlah anggota rombongan, hubungan anggota rombongan dengan pihak lelaki, jumlah dulang hantaran dan isi

dulang serta perlakuan tanpa bahasa semasa kedua-dua keluarga bertemu. Keterangan tentang sumber kajian yang dirakamkan terdapat dalam Lampiran 2.

1.5 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kerangka analisis kesantunan yang dibentuk berdasarkan keserasian model-model kesantunan B & L dan pengkaji lain serta Asmah. Bagi menganalisis perlakuan berbahasa, struktur mikro digunakan dengan tumpuan terhadap teks rundingan dianalisis untuk mengenal pasti perlakuan verbal dan bukan verbal serta strategi kesantunan berbahasa. Manakala struktur makro digunakan untuk menganalisis perlakuan bukan berbahasa dalam majlis pertunangan.

Rakaman *audio dan visual* yang dilakukan di sepanjang majlis pertunangan membolehkan pengkaji menganalisis kedua-dua bentuk perlakuan dalam mengenal pasti kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan. Data dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif.

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini mengemukakan hipotesis yang berikut:

- (i) Bahawa perlakuan yang santun dalam majlis pertunangan melibatkan perlakuan verbal dan perlakuan bukan verbal.
- (ii) Kesantunan orang Melayu berkait rapat dengan ajaran Islam.

1.7 Konsep

Yang berikut ialah konsep utama yang dipakai dalam kajian ini.

1.7.1 Kesantunan

Dalam kajian ini, kesantunan ialah perlakuan berbahasa dan bukan berbahasa yang dilakukan demi menjaga hubungannya dengan Allah serta hubungannya dengan manusia. Dalam menjaga hubungan tersebut, perlakuan seseorang adalah menurut ajaran Islam, iaitu melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang seperti yang terdapat di dalam al-Quran dan hadith.

1.7.2 Majlis Pertunangan

Majlis ini merupakan suatu peristiwa bahasa yang diadakan sebelum berlangsungnya majlis akad nikah. Dalam majlis ini, rombongan pihak lelaki akan datang ke rumah pihak perempuan. Tujuannya adalah bagi membolehkan seorang lelaki menyampaikan tekad dan keinginannya hendak memperisteri seorang wanita, secara terus terang dan terbuka menerusi rombongan yang diketuai oleh seorang wakil. Majlis ini juga merupakan majlis mengikat janji antara kedua-dua pihak sehingga menjelang hari perkahwinan. Dalam majlis ini beberapa perkara berkaitan dengan majlis perkahwinan akan dirundingkan antaranya merundingkan harga mas kahwin, belanja hantaran, tempoh pertunangan dan tarikh akad nikah serta bab putus tunang. Dalam majlis ini pihak lelaki akan menyampaikan tanda

pertunangan antaranya cincin pertunangan, tepak sirih serta hadiah-hadiah yang lain. Majlis pertunangan hanya dihadiri oleh keluarga dan jiran terdekat.

1.7.3 Perlakuan Bahasa Verbal

Perlakuan yang menggunakan bahasa atau ujaran yang terdapat dalam rundingan pertunangan yang mempunyai parameter-parameter tertentu.

1.7.4 Perlakuan Bukan Verbal

Aktiviti komunikasi yang mengiringi komunikasi verbal dan merupakan elemen bukan bahasa yang berlaku serentak dalam sesuatu percakapan. Juga merupakan tindakan dan perlakuan yang meliputi tatasusila dan adab sewaktu berhadapan dengan orang lain yang turut disesuaikan dengan sesuatu peristiwa bahasa. Dalam kajian ini, perlakuan tersebut berupa tatasusila dan adab dalam majlis pertunangan yang menentukan perjalanan majlis.

1.7.5 Ujaran

Ujaran ialah unit analisis yang terkecil yang mempunyai intonansi dan makna yang lengkap dan diikuti dengan kesenyapan sebagai penanda pelengkap kepada ujaran tersebut sehingga berlaku ambil giliran.

1.7.6 Peristiwa Bahasa

Peristiwa bahasa merujuk kepada majlis pertunangan yang melibatkan konteks dan teks ujaran dalam rundingan pertunangan.

1.7.7 Teks

Teks bermaksud sesuatu ujaran yang diujarkan dalam rundingan pertunangan.

1.7.8 Konteks

Merujuk kepada perkara-perkara bukan teks yang mencakupi persekitaran fizikal yang menjadi latar belakang dalam pengucapan serta melibatkan penampilan diri, harapan masa depan, jangkauan budaya, perkongsian maklumat dan kepercayaan beragama. Konteks dibahagikan kepada dua, iaitu konteks jauh dan konteks dekat. Konteks jauh adalah seperti pendidikan, adat, kepercayaan agama, dan budaya. Konteks dekat adalah seperti para peserta dalam majlis pertunangan, tajuk dan barang-barang hantaran.

1.7.9 Struktur

Susunan yang membentuk rupa majlis pertunangan dari awal hingga akhir majlis serta pelaksanaannya. Struktur dibahagikan kepada dua, iaitu struktur makro dan struktur mikro. Struktur makro ialah susunan majlis dari awal ketibaan

rombongan lelaki hingga rombongan lelaki berangkat pulang. Struktur mikro pula ialah susunan dalam rundingan pertunangan dari awal hingga akhir rundingan.

1.7.10 Strategi

Cara-cara untuk melaksanakan sesuatu tindak-tanduk yang teratur untuk mencapai sesuatu matlamat. Dalam kajian ini, strategi kesantunan bermaksud cara-cara yang digunakan oleh seseorang individu untuk melaksanakan perlakuan yang mampu mewujudkan keharmonian dalam hubungan antara manusia dengan Tuhan dan manusia dengan manusia. Dalam kajian ini strategi terbahagi kepada tiga jenis, Kategori Strategi Utama (Ketersiratan), Kategori Strategi dan Strategi.

1.7.11 Muka

Ungkapan metafora yang membawa maksud citra diri awam yang melibatkan harga diri dan nama baik sendiri, keluarga dan masyarakat. Setiap manusia perlu menjaga mukanya dan nilai penjagaan muka bergantung pada sistem nilai dan norma masyarakat. Dalam hubungan ini, muka orang Melayu dikaitkan dengan nilai-nilai penjagaan muka yang menepati perintah Allah dalam menjalinkan hubungan yang baik sesama manusia.

1.7.12 Akhlak

Dalam kajian ini akhlak ialah gabungan hati yang ikhlas dan dimanifestasikan dengan perlakuan yang baik yang menepati **amar maruf nahi mungkar**.

NOTA

1. Maksim-maksin kesantunan Leech terdapat dalam Bab 6 di dalam bukunya "Principle of Pragmatics", 1983:131).
2. Buku ini menghimpunkan sebanyak 13 buah artikel yang memberi tumpuan terhadap tiga aspek fenomena kesantunan iaitu, "Teori dan sejarah kesantunan berbahasa", Kajian empirikal terhadap kesantunan" dan "Kesantunan di negara-negara luar Barat".
3. Dalam Scupin (1988) dikatakan majoriti orang Thai beragama Buddha iaitu agama rasmi Thai.
4. Dapatan kajian Scupin mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Mohammad Farghal, 1995 dan Mohammad Farghal & Ahmad Borini, 1997.
5. Disebut sebagai "penyerahan kepada takdir" di kalangan orang Islam. Konsep ini tidak bermaksud bahawa manusia tidak berhak menentukan buruk atau baik dalam kehidupannya. Allah memberi keupayaan kepada manusia untuk berusaha. Rujuk Za'ba dalam Falsafah Takdir, 1932 dan Thiroux, 2001:102.